

17/01/1997

Undang-undang siber perkemas industri IT

UNDANG-UNDANG siber yang akan dibentangkan di Parlimen, Mac ini mempunyai kepentingannya tersendiri kerana inilah buat pertama kalinya undang-undang yang secara langsung berkait dengan Teknologi Maklumat (IT) dirumus dan akan dikuatkuasakan. Undang-undang siber diperlukan kerana pelaksanaan industri IT itu sendiri memang memerlukan kawalan lebih menyeluruh. Disebabkan Malaysia sudah pun bergerak ke alam penggunaan IT secara lebih menyeluruh, undang-undang itu memang diperlukan. Jika tidak, adalah memadai kita mengguna pakai undang-undang berkaitan sedia ada. Cara mengatasi masalah yang mungkin timbul dalam industri IT ini, adalah berbeza daripada kesalahan sivil atau jenayah lain.

Dengan bertambah besar industri itu kelak, akan bertambah rumit pulalah soal pengurusan mengenainya. Bertambah canggih industri itu, bertambahlah juga cara orang melihat peluang untuk mencari kesempatan. Kesempatan ini diambil oleh mereka yang bijak menyalahgunakan maklumat. Mereka inilah golongan yang akan menciplak karya orang lain, menceroboh ke dalam akaun bank, mencuri maklumat dari data-data rahsia, menjual gambar lucah dan sebagainya.

Apa yang diramalkan, penggunaan IT kini sudah menjadi satu industri yang besar, akan menimbulkan pelbagai masalah yang akhirnya memerlukan penyelesaian undang-undang. Walaupun begitu, kita terpaksa melaksanakannya juga kerana ia adalah tuntutan zaman. Kita tidak ada pilihan lain, selain menggunakan sepenuhnya IT dengan tapisan yang termampu, kerana kita sedar nilai kepentingan IT kepada negara begitu besar.

Disebabkan kita meramalkan masalah yang akan dihadapi, kita perlu mengadakan langkah kawalan. Cara paling berkesan ialah menerusi penguatkuasaan undang-undang. Kita sedar bahawa dalam apa juga kegiatan, kita mempunyai batasan. Undang-undang adalah unsur-unsur yang mampu membataskan pergerakan dan aktiviti manusia. Walaupun IT itu sendiri melambangkan satu kebebasan dalam konteks penyaluran maklumat, tidak bermakna undang-undang siber dilihat dalam konteks negatif. Takrifan kebebasan dalam konteks penggunaan maklumat begitu luas, malah kita tidak seharusnya menganggap undang-undang siber adalah undang-undang untuk menghukum semata-mata. Ia perlu dilihat dalam konteks memajukan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan perkembangan IT seterusnya.

Jika hendak menghukum, ia sudah cukup dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada. Cuma kita perlu berpegang kepada prinsip bahawa setiap mereka yang melakukan perbuatan yang boleh menjejaskan hak orang lain sama ada dari segi wang ringgit, harta benda atau sebagainya, perlu dikenakan hukuman, selepas mereka diadili. Menerusi pembangunan dan kemajuan di MSC, banyak perkara yang ada kaitan dengan implikasi undang-undang yang perlu difikirkan.

Pada kita, undang-undang adalah jawapan kepada pelbagai masalah yang akan timbul ketika pelaksanaan IT. Ini tidak bermakna undang-undang yang ada kaitan dengan IT ini lebih tinggi kedudukannya daripada undang-undang sedia ada yang lain terutamanya berkaitan dengan soal kebebasan menggunakan maklumat seperti Akta Rahsia Rasmi, Akta Hakcipta dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan. Begitu juga dengan Akta Paten, Akta Penapisan Filem, Akta Perihal Dagangan dan Akta Kesalahan Luar-Wilayah yang semuanya ada kaitan dengan proses penggunaan maklumat. Draf undang-undang siber yang meliputi soal harta intelek, tandatangan digital, jenayah komputer, teleperubatan dan kerajaan elektrik, turut mempunyai ciri-ciri kepentingan

keselamatan kepada negara.

Kita memuji sikap kerajaan yang benar-benar bersiap sedia untuk menjayakan MSC. Malaysia bukan saja serius dengan pembangunan infrastuktur memajukan IT, malah sudah lengkap dengan pelbagai rangka undang-undang bagi memastikan pelaksanaannya kelak tidak menghadapi gangguan yang boleh membantut pertumbuhannya. Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Amerika Syarikat dan pertemuannya dengan pengusaha negara itu untuk mempelawa mereka menyumbang atau melabur ke dalam MSC, membuktikan Malaysia negara membangun yang menjadi perintis untuk menjayakan projek yang setakat ini hanya termampu dilakukan oleh negara maju. Kita berharap dengan tindakan Malaysia ini, akan membuka mata negara-negara membangun lain untuk melaksanakan program IT yang sama. Kita percaya perkembangan IT di Malaysia akan diberi perhatian khusus oleh negara-negara membangun lain sebelum mereka mengikut rentak memulakan langkah yang sama. Mereka bukan saja boleh belajar teknologi daripada kita, malah setiap aspek perundangan perlu.

(END)